

TERMA-TERMA & SYARAT-SYARAT AKAUN SEMASA MATA WANG ASING-I

1. AM

- 1.1 Pembukaan Akaun Mata Wang Asing hendaklah ditadbir mengikut peruntukan yang berkaitan dalam Notis-Notis mengenai Peraturan-peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing dan arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia selaras dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan pindaan kepadanya.
- 1.2 CIMB Islamic Bank Berhad ("Bank") akan menerima jumlah wang yang didepositkan dan apa-apa jumlah wang yang kemudiannya akan didepositkan dalam Akaun Semasa-i pada prinsip Syariah Tawarruq berhubung dengan Komoditi Murabahah ("Komoditi Murabahah").
- 1.3 Pendeposit / Pemegang akaun hendaklah juga mengekalkan Akaun Semasa-i ("CA-i") atau Akaun Simpanan-i ("SA-i") Ringgit Malaysia ("RM") dengan Bank untuk tujuan menjelaskan caj yang dikenakan oleh Bank atau mengkredit belum terima dalam RM.
- 1.4 Pendeposit / pemegang akaun hendaklah mematuhi segala keperluan pihak Bank untuk membuka FCCA-i. Contoh tandatangan penandatanganan yang diberi kuasa juga hendaklah diberikan kepada Bank.
- 1.5 Jumlah deposit permulaan minimum untuk membuka dan / atau had deposit maksimum untuk FCCA-i boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 1.6 Jika dan apabila diperlukan, pendeposit / pemegang akaun hendaklah memberikan kepada Bank sebarang maklumat / penyata kewangan yang dikehendaki bagi maksud kewajipan pelaporan kawal selia atau untuk sebarang sebab yang difikirkan munasabah atau perlu oleh Bank.
- 1.7 Penerimaan dan penerusan FCCA-i adalah semata-mata menurut budi bicara Bank.
- 1.8 FCCA-i boleh dibuka dalam mata asing seperti mana yang dinyatakan dan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 1.9 Jika terpakai, caj perkhidmatan terhadap FCCA-i, akan dikira menurut dasar dalaman Bank.
- 1.10 Pemegang akaun hendaklah memastikan bahawa semua bayaran, pemindahan dari atau ke akaun mata wang asing lain dalam Bank atau Bank-Bank lain adalah mematuhi peruntukan semasa dalam Notis-Notis mengenai Peraturan-Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing dan arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia selaras

dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan pindaan padanya.

- 1.11 Dengan pembukaan FCCA-i, pemegang akaun hendaklah memastikan bahawa penukaran Ringgit untuk penempatan adalah mematuhi peruntukan semasa dalam Notis-Notis mengenai Peraturan-Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing dan arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan pindaan padanya.
- 1.12 Dengan membuka FCCA-i, pemegang akaun memberi kuasa kepada Bank untuk menjelaskan dan mematuhi semua cek, draf, perintah untuk membayar, bil pertukaran dan nota janji hutang yang dinyatakan sebagai disuruh bayar, ditandatangani, diterima, diendors atau dibuat bagi pihak pemegang akaun yang disuruh bayar terhadap atau dialamatkan kepada atau dijadikan perlu dibayar dengan Bank sama ada FCCA-i dalam kedudukan kredit atau debit atau mungkin terlebih keluar disebabkan olehnya atau sebaliknya tetapi tanpa prejudis terhadap hak Bank untuk enggan membenarkan overdraf atau penambahan overdraf melampaui sebarang had overdraf yang ditetapkan dari semasa ke semasa.
- 1.13 Apa-apa borang atau resit yang ditandatangani oleh pemegang akaun dan apa-apa transaksi yang disahkan dan atau dilaksanakan secara elektronik oleh pemegang akaun berhubung dengan apa-apa transaksi atau perkara di bawah FCCA-i sebelum, semasa atau selepas transaksi atau perkara yang dilaksanakan ('transaksi di atas') hendaklah dianggap muktamad dan mengikat pemegang akaun.

Tanpa menjejaskan sifat am perkara yang disebut di atas pemegang akaun selanjutnya bersetuju bahawa buku dan atau rekod Bank yang membuktikan transaksi di atas juga dianggap muktamad, konklusif dan mengikat pemegang akaun.

2. DEPOSIT

- 2.1 Deposit dalam mata wang asing dan syiling tidak dibenarkan kecuali di cawangan Bank yang ditetapkan.
- 2.2 Pelanggan hendaklah melaksanakan transaksi permulaan dan transaksi deposit seterusnya melalui akaun "RM" dan selepas itu cawangan akan mengkredit daripada akaun "RM" ke dalam FCCA-i dengan penukaran mata wang pilihan pelanggan.
- 2.3 Bank akan menyediakan slip deposit kepada pendeposit untuk digunakan semasa mendeposit wang. Pendeposit / pemegang akaun dinasihatkan agar mengisi maklumat yang berkenaan di dalam slip deposit dengan tepat sebelum mendeposit wang ke dalam akaun mereka di kaunter Bank dan kaunterfoil disahkan atau diendors dengan sewajarnya oleh pegawai Bank untuk mengakui penerimaan deposit.
- 2.4 Apabila membuat deposit di kaunter, pendeposit / pemegang akaun diminta memastikan bahawa

kaunterfoil mengandungi pengindorsan di atas sebelum meninggalkan premis Bank. Kaunterfoil hanya sah sebagai pengakuan penerimaan jika mengandungi pengindorsan / pengesahan tersebut.

3. PENGELUARAN

- 3.1 Sebarang pengeluaran yang akan dibuat daripada FCCA-i hendaklah melalui arahan bertulis yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh penandatanganan yang diberi kuasa dan/atau tertakluk kepada apa-apa bukti identiti yang dikehendaki oleh Bank.
- 3.2 Pengeluaran dalam mata wang asing dan syiling tidak dibenarkan kecuali di cawangan Bank yang ditetapkan.
- 3.3 Pengeluaran daripada FCCA-i hendaklah tertakluk kepada ketersediaan dana dalam FCCA-i.
- 3.4 Pengeluaran boleh dibuat dengan menukar kepada sama ada FCCA-i dalam mata wang yang sama atau mata wang yang berbeza (tertakluk kepada ECM), atau CA-i RM atau SA-i RM yang dikekalkan dengan Bank, atau menukar kepada instrumen pembayaran kiriman wang asing. Penukaran atau perubahan kepada mata wang asing adalah tertakluk kepada penukaran kepada RM menggunakan kadar pembelian mata wang semasa Bank terhadap RM sebelum menukar kepada mata wang yang diinginkan dengan mengenakan kadar penjualan semasa Bank bagi mata wang yang diinginkan.

4. CAJ PERBANKAN

- 4.1 Bayaran pengendalian USD2.00 atau yang bersamaan dengannya dalam RM atau apa-apa jumlah yang boleh diubah atau dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa, akan dikenakan untuk setiap penyertaan debit atau kredit dalam FCCA-i (tidak termasuk pemindahan / peletakan ke dalam Akaun Pelaburan Pemulihan Tetap Mata Wang Asing -i).
- 4.2 Caj perkhidmatan setengah tahun sebanyak USD10.00 atau jumlah yang bersamaan dengannya dalam Ringgit Malaysia (RM) atau sebarang jumlah yang boleh diubah atau dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa, akan dikenakan terhadap setiap FCCA-i yang dikekalkan dengan Bank.
- 4.3 Bank akan mendapatkan balik semua perbelanjaan yang ditanggung semasa mengendalikan FCCA-i untuk pendeposit / pemegang akaun seperti faks, teleks / SWIFT sama ada dalam mata wang asing atau RM dengan mendebit akaun masing-masing yang dikekalkan oleh pendeposit / pemegang akaun.
- 4.4 Melainkan jika diminta secara khusus, semua caj dalam mata wang asing akan didebitkan ke akaun RM pemegang akaun dalam bersamaan

RM berdasarkan kadar penyerahan Akaun RM yang berkuat kuasa pada masa itu. Bank juga menyimpan hak untuk memulihkan semua caj tertunggak daripada sama ada FCCA-i atau mana-mana akaun deposit Ringgit domestik pelanggan.

- 4.5 Pemegang akaun bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk mengenakan fi dan caj tambahan/lain dengan memberi notis yang mencukupi kepada pemegang akaun. Fi dan caj tersebut (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan atau GST) akan ditanggung oleh pemegang akaun. Sekiranya berlaku sebarang perubahan dalam fi dan caj yang dikenakan kepada FCCA-i, notifikasi mengenai perubahan tersebut hendaklah dikomunikasikan kepada pemegang akaun sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum tarikh berkuat kuasa perubahan. Notifikasi tersebut akan dikomunikasikan kepada pemegang akaun secara bertulis atau secara elektronik atau melalui iklan yang dipaparkan di ruang perbankan dan laman web Bank. Semua fi dan caj sedemikian boleh didebitkan dari mana-mana akaun yang dikekalkan oleh pemegang akaun dengan Bank.

5. TAWARRUQ BERHUBUNG DENGAN KOMODITI MURABAHAH

- 5.1 Di bawah Tawarruq berhubung dengan Komoditi Murabahah, Bank dan pemegang akaun akan memasuki satu siri transaksi perdagangan komoditi mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini. Komoditi yang digunakan untuk transaksi perdagangan komoditi adalah komoditi kepatuhan-Syariah ("Komoditi") yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 5.2 Semasa penerusan Akaun Semasa-i, Bank akan, sebagai ejen pemegang akaun, membeli Komoditi ("Transaksi Pembelian") dengan menggunakan wang pemegang akaun dalam kedudukan kredit di dalam Akaun Semasa-i ("Akaun Prinsipal") selaras dengan **Fasal 5.3**. Transaksi Pembelian akan dimasuki oleh Bank pada hari perniagaan ("Hari Perniagaan"). Setelah selesai 'Transaksi Pembelian, pemegang akaun akan menjual dan Bank akan membeli Komoditi ("Transaksi Jualan") atas pembayaran tertunda yang bersamaan dengan agregat Amaun Prinsipal dan keuntungan ("Harga Murabahah"). Bank akan bertindak sebagai ejen pemegang akaun untuk tujuan menyimpulkan Transaksi Jualan. Transaksi Pembelian dan Transaksi Jualan kemudian akan secara kolektif dirujuk sebagai Transaksi Perdagangan Komoditi. "Hari Perniagaan" bermaksud hari dimana institusi kewangan dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur.
- 5.3 Transaksi Perdagangan Komoditi hendaklah, semasa penggunaan berterusan Akaun Semasa-i, dilaksanakan seperti berikut: -
 - a) Apabila terdapat Peningkatan Bersih dalam kedudukan kredit di dalam Akaun Semasa-i sepanjang mana-mana bulan tertentu; dan

- b) Pada Hari Perniagaan pertama setiap bulan atau sebarang tempoh lain yang ditentukan oleh Bank

"Peningkatan Bersih" bermaksud baki terakhir harian dalam Akaun Semasa-i menolak baki terakhir harian yang tertinggi terdahulu pada bulan yang sama atau tempoh lain yang ditentukan oleh Bank.

- 5.4 Bahagian keuntungan Harga Murabahah hendaklah dikira dengan cara berikut: -

Amaun Prinsipal x Kadar dalam Bank atau Kadar Semasa, yang mana lebih tinggi x n/365 hari (atau 366 hari mengikut keadaan) di mana 'n' bermaksud jumlah hari yang berlalu antara Transaksi Jualan dan akhir bulan atau sebarang tempoh lain seperti yang ditentukan oleh Bank

"Kadar Semasa" bermaksud kadar seperti yang diterbitkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

"Amaun Prinsipal" bermaksud Peningkatan Bersih bagi maksud Klausula 5.3(a) dan baki kredit pada hari pertama setiap bulan bagi maksud Klausula 5.3 (b).

- 5.5 Pelantikan Bank sebagai ejen pemegang akaun untuk tujuan Transaksi Perdagangan Komoditi hendaklah selaras dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang terkandung di sini. Bank hanya akan bertindak sebagai ejen pemegang akaun dan tidak akan mengambil alih, atau dianggap telah mengambil alih, sebarang obligasi tambahan untuk, atau mempunyai hubungan istimewa dengan pemegang akaun selain daripada yang mana peruntukan khusus dibuat dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
- 5.6 Sebagai ejen pemegang akaun, Bank hendaklah, semasa penerusan deposit tersebut, mempunyai kuasa dan otoriti yang berikut:
- (a) untuk memasuki Transaksi Pembelian atas 'spot basis' melalui perjanjian pembelian, sijil dan instrumen yang lain dengan sepenuhnya sebagaimana yang boleh dilakukan oleh pemegang akaun sendiri dan untuk berunding dengan pedagang atau pembekal komoditi ("Pembekal") bagi pihak pemegang akaun berkaitan dengannya; dan
- (b) untuk memasuki Transaksi Jualan atas dasar pembayaran tertangguh pada Harga Murabahah bagi pihak pemegang akaun dan untuk melakukan dan melaksanakan semua tindakan berkaitan dengannya
- dengan syarat bahawa mandat Bank untuk bertindak sebagai ejen pemegang akaun di bawah sebarang Transaksi Penjualan hendaklah pada Harga Murabahah dengan kadar keuntungan minimum sebanyak 0.01% ("Kadar Keuntungan Minimum").
- 5.7 Bank akan, dalam melaksanakan kewajipan dan aktiviti-aktiviti dalam Transaksi Perdagangan Komoditi, akan melindungi kepentingan terbaik

pemegang akaun dan bertindak dengan suci hati.

- 5.8 Pemegang akaun akan menanggung rugi Bank terhadap semua kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding, kerosakan, kos dan perbelanjaan pun jua yang dibawa atau dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau ditanggung atau dialami oleh Bank akibat Bank bertindak sebagai ejen pemegang akaun di bawah Transaksi Dagangan Komoditi atau kemungkiran oleh pemegang akaun terhadap kewajibannya di dalam ini. Tanggung rugi yang diberikan akan terus berkuat kuasa selepas penamatan perjanjian agensi dan sebarang jumlah yang perlu dibayar berkaitan dengannya tidak boleh tertakluk kepada sebarang potongan sama ada melalui tolakan tuntutan balas atau sebaliknya.
- 5.9 Setelah tamatnya sebarang Transaksi Perdagangan Komoditi, Harga Murabahah akan dibayar oleh Bank pada setiap akhir bulan. Sekiranya Peningkatan Bersih pada hari terakhir bulan ini, Bank sebagai ejen kepada pemegang akaun boleh mengikut budi bicara mutlakanya, mendahulukan keuntungan untuk hari terakhir bulan ke dalam Akaun Semasa-i pada akhir bulan walaupun bahawa Transaksi Perdagangan Komoditi belum berlaku. Sekiranya Bank menjalankan budi bicara sedemikian sebagai ejen kepada pemegang akaun, pendahuluan tersebut hendaklah dianggap sebagai pinjaman (Qard) oleh Bank (sebagai ejen) kepada pemegang akaun dan pemegang akaun bersetuju bahawa pendahuluan tersebut akan ditolak terhadap bahagian keuntungan Harga Murabahah sejeurus selepas Transaksi Perdagangan Komoditi berlaku.
- 5.10 Kadar semasa ("Kadar Semasa") yang digunakan untuk pengiraan keuntungan Harga Murabahah akan ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya dari semasa ke semasa. Sekiranya berlaku perubahan dalam Kadar Semasa oleh Bank, notifikasi mengenai perubahan tersebut akan dipaparkan dengan ketara di ruang perbankan dan laman web Bank. Keuntungan daripada Harga Murabahah hendaklah dikira mengikut cara yang dinyatakan dalam **Klausula 5.3**.
- 5.11 Jika pemegang akaun ingin menerima penghantaran Komoditi, pemegang akaun boleh berbuat demikian dengan syarat:-
- (a) Bank telah menerima notis bertulis daripada pemegang akaun yang menyatakan (i) pelantikan Bank sebagai agen pemegang akaun bagi tujuan Transaksi Jualan yang diterangkan di dalam **Klausula 5.2** di atas dibatalkan, (ii) permintaan rasmi untuk penghantaran Komoditi secara fizikal dan (iii) alamat di mana Komoditi hendak dihantar. Notis bertulis tersebut hendaklah diterima oleh Bank selewat-lewatnya lima (5) Hari Perniagaan sebelum Bank menyempurnakan Transaksi Jualan pada tarikh yang ditetapkan; dan
- (b) pemegang akaun hendaklah menanggung kos penuh penghantaran fizikal tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada brokeraj, penyimpanan, pengangkutan dan kos lain yang

berkaitan ("Kos"). Bagi tujuan ini, pemegang akaun hendaklah mendeposit dengan Bank sebarang jumlah ("Deposit") yang boleh ditentukan oleh Bank dan Deposit hendaklah digunakan oleh Bank untuk membayar Kos. Jika terdapat sebarang kekurangan antara Kos dan Deposit, pemegang akaun hendaklah membayar kekurangan tersebut kepada Bank apabila dituntut. Jika terdapat lebihan antara Kos dan Deposit, lebihan tersebut akan dikembalikan kepada pemegang akaun; dan

- (c) penghantaran Komoditi secara fizikal akan dilakukan oleh Bank menurut cara dan pada masa tersebut yang boleh ditentukan oleh Bank menurut budi bicaranya.

5.12 Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa pelantikan Bank sebagai ejen pemegang akaun untuk melaksanakan perbuatan yang dinyatakan dalam Klausa 5.6 (a) dan (b) hendaklah dibubarkan:

- (ii) jika Akaun Semasa-i ditutup oleh Bank mengikut Klausa 7;
- (iii) jika pemegang akaun melaksanakan pilihan pemegang akaun untuk menamatkan agensi kerana salah laku, kecuaiian atau pelanggaran terma-terma agensi tertentu oleh Bank. Dalam kes sedemikian, liabiliti Bank bagi apa-apa pampasan menurut kerugian yang dialami oleh pemegang akaun adalah terhad kepada keuntungan yang mungkin diperolehi oleh pemegang akaun jika Bank telah melaksanakan agensi tersebut mengikut Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang terkandung di sini.

6. PEMBAYARAN KEUNTUNGAN/HIBAH DAN REBAT (IBRA')

6.1 Keuntungan daripada Harga Murabahah hendaklah dikreditkan ke akaun pemegang akaun pada hari terakhir bulan tersebut.

6.2 Pemegang akaun bersetuju untuk memberikan rebat (ibra') kepada Bank atas keuntungan daripada Harga Jualan Murabahah:

- a) Sekiranya terdapat sebarang perubahan yang menurun dalam Kadar Semasa pada bila-bila masa dan di mana pembayaran Harga Murabahah belum matang. Dalam kes sedemikian, rebat (ibra;) yang akan diberikan adalah perbezaan antara keuntungan Harga Murabahah yang dikontrakkan dan keuntungan yang dikira berdasarkan Kadar Semasa yang telah disemak semula dari masa Kadar Semasa yang baharu menjadi berkuat kuasa; dan
- b) Sekiranya pemegang akaun membuat pengeluaran dari Akaun Semasa-i di mana pembayaran Harga Murabahah belum matang. Dalam kes sedemikian, rebat (ibra ') yang akan diberikan adalah keuntungan yang dikira seperti yang berikut: -

Pengeluaran amaun x kadar dalam Bank atau Kadar Semasa, mengikut mana-mana yang berkenaan x m /365 hari (atau 366 hari, mengikut keadaan) di mana 'm' bermaksud bilangan hari yang tinggal antara tarikh pengeluaran dan akhir bulan.

- c) Sekiranya keuntungan yang dikira pada kadar dalam Bank adalah lebih tinggi daripada keuntungan yang dikira pada Kadar Semasa. Dalam kes sedemikian, perbezaannya adalah rebat (ibra ') yang akan diberikan.

6.3 Sekiranya berlaku sebarang perubahan meningkat atas Kadar Semasa pada bila-bila masa dan di mana pembayaran Harga Murabahah belum matang lagi, apa-apa jumlah yang berlebihan yang melebihi Harga Murabahah yang perlu dibayar oleh Bank hendaklah dianggap sebagai hadiah (hibah).

7. PENUTUPAN AKAUN FCCA-I

7.1 Akaun FCCA-i boleh ditutup oleh pendeposit/ pemegang akaun itu sendiri atau sebagai alternatif, pihak Bank boleh dimaklumkan secara bertulis. Untuk akaun bersama, penutupan FCCA-i hendaklah selaras dengan terma-terma dan/atau syarat-syarat mandat yang diberikan kepada Bank oleh pendeposit/ pemegang akaun berkenaan bagi operasi akaun.

7.2 Pendeposit / pemegang akaun hendaklah memastikan aktiviti-aktiviti transaksi yang munasabah dalam akaun dia/mereka. Bank menyimpan hak untuk menutup akaun tersebut jika berpendapat bahawa operasi akaun tersebut tidak memenuhi keperluan perniagaan Bank atau dalam apa-apa cara melanggar undang-undang lazim yang menguasai operasinya.

7.3 Tambahan atas hak Bank yang terkandung dalam Klausa 7.2, pemegang akaun bersetuju bahawa Bank menyimpan hak untuk menutup akaun pada budi bicara mutlak Bank tanpa keperluan untuk memberi apa-apa sebab, apabila memberi notis mengenainya kepada pemegang akaun.

7.4 Pendeposit / pemegang akaun hendaklah mematuhi semua keperluan Bank, jika ada, bagi penutupan akaun. Bank boleh mengenakan caj perkhidmatan untuk menutup akaun.

7.5 Apabila pemegang akaun mempunyai baki sifar FCCA-i, atau notis yang dikemukakan kepada Bank menurut Klausa 5.11 (a) tamat tempoh, FCCA-i dianggap ditutup.

8. AKAUN TIDAK AKTIF / DORMAN / WANG TIDAK DITUNTUT

8.1 Akaun FCCA-i tanpa sebarang transaksi kredit dan/atau debit (selain daripada transaksi kredit dan/atau debit yang dilakukan oleh Bank bagi tujuan pengkreditan faedah ke dalam akaun atau pendebitan bagi fi dan/atau caj yang kena dibayar oleh Pemegang akaun kepada Bank) bagi tempoh 1 tahun atau lebih akan dianggap akaun dormant.

- 8.2 Bagi akaun FCCA-i yang telah diklasifikasikan sebagai dormant menurut Klausula 8.1 di atas, sebarang transaksi kredit dan/atau debit (selain daripada transaksi kredit dan/atau debit yang dilakukan oleh Bank bagi tujuan pengkreditan faedah ke dalam akaun atau pendebitan bagi fi dan/atau caj yang kena dibayar oleh Pemegang akaun kepada Bank) ke atas akaun adalah tidak dibenarkan melainkan dan sehingga akaun telah diaktifkan semula menurut Klausula 8.3 di bawah.
- 8.3 Untuk mengaktifkan FCCA-i tidak aktif, pemegang akaun boleh memulakan transaksi di mana-mana cawangan tertakluk kepada pengesahan identiti pemegang akaun.
- 8.4 Di bawah Akta Wang Tak Dituntut, 1965, mana-mana wang yang diklasifikasikan sebagai wang tidak dituntut iaitu baki dalam akaun yang tidak dikendalikan selama 7 tahun atau lebih, akan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut ("RUM"). Bank hendaklah pada kos sendiri memberitahu pemegang akaun mengenai apa-apa dormant (tidak aktif) yang akan berlaku dan pemindahan wang yang dikekalkan di bawah akaun FCCA-i kepada RUM. Pemberitahuan tersebut hendaklah diberikan oleh Bank dalam tempoh masa yang munasabah sebelum akaun FCCA-i semakin tidak aktif dan pemberitahuan selanjutnya sekurang-kurangnya 21 hari kalendar juga hendaklah diberikan oleh Bank kepada pemegang akaun sebelum wang yang dikekalkan di bawah akaun FCCA-i dipindahkan ke RUM.
- 8.5 Bank pada kos sendiri dan atas permintaan pemegang akaun hendaklah juga memberitahu pemegang akaun mengenai prosedur yang terlibat untuk menuntut wang yang dikekalkan di bawah akaun FCCA-i yang telah dikirimkan oleh pihak Bank kepada RUM.

9. PENYATA AKAUN

- 9.1 Penyata akaun bulanan akan disediakan dalam talian melalui CIMB Clicks atau dikeluarkan oleh Bank dan dihantar melalui pos kepada pemegang akaun, yang menyenaraikan transaksi dalam tempoh tersebut. Permintaan oleh pemegang akaun untuk penyata akaun tambahan hendaklah tertakluk kepada caj perkhidmatan yang terpakai berkenaan dengan pengeluaran semula penyata untuk tempoh sehingga 1 tahun; berkenaan dengan pengeluaran semula penyata bagi tempoh yang melebihi 1 tahun;
- 9.2 Pemegang akaun dikehendaki menyemak transaksi yang direkodkan dalam sejarah transaksi atau penyata yang disediakan dalam talian dan / atau penyata akaun bulanan dan memaklumkan kepada Bank apa-apa kesilapan, ketidakteraturan, percanggahan, tuntutan atau debit atau item yang tidak dibenarkan. Jika pemegang akaun gagal memaklumkan kepada Bank tentang tidak penerimaan penyata dan mendapatkan penyata tersebut atau tidak memaklumkan kepada pihak Bank apa-apa kesilapan, percanggahan, tuntutan atau debit atau item dalam buku simpanan tersebut yang tidak dibenarkan, maklumat transaksi atau penyata yang disediakan dalam talian dan / atau

penyata akaun bulanan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pengeposan transaksi dalam talian atau tarikh penyata itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, pemegang akaun akan dianggap konklusif telah menerima semua penyertaan yang terkandung dalam penyata yang disediakan dalam talian dan/atau penyata bulanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagai benar dan tepat dalam segala hal.

- 9.3 Bank boleh tidak mengeluarkan atau menyediakan penyata akaun jika akaun adalah dormant atau tidak aktif bagi suatu tempoh yang ditentukan oleh Bank. Bank juga boleh berhenti mengeluarkan dan/atau menyediakan penyata akaun jika penyata akaun tidak dituntut atau tidak dapat diserahkan atas apa jua sebab.

10. AKAUN BERSAMA (untuk Akaun Bersama di atas nama dua orang atau lebih)

- 10.1 Semua perjanjian, kewajipan, kuasa, pihak berkuasa dan liabiliti yang terkandung di sini dalam Perjanjian ini hendaklah disifatkan sebagai bersama dan berasingan. Bank hendaklah melaksanakan tanggungjawab dengan memberitahu mana-mana orang yang dinamakan dalam akaun bersama.

- 10.2 Pemegang Akaun Bersama hendaklah secara bersama dan berasingan berakujanji untuk menanggung rugi dan memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan atas kerugian, tuntutan, prosiding, kos, perbelanjaan dan liabiliti lain tidak kira bagaimana dan bila ditanggung yang berbangkit daripada sebarang kebenaran yang dikeluarkan oleh mana-mana pemegang Akaun Bersama.

- 10.3 Sekiranya berlaku kematian, kebangkrutan atau ketidaksiaman mana-mana pemegang Akaun Bersama, sebarang baki kredit dalam Akaun Bersama boleh dibayar kepada pemegang akaun bersama yang masih tinggal tertakluk kepada pematuhan (jika perlu) dengan Enakmen Duti Harta atau mana-mana undang-undang Syariah berkaitan atau sebarang perundangan lain yang serupa sifatnya undang-undang Syariah (yang mana kes yang berkaitan) termasuk polisi dalaman Bank berkaitan.

11. HAK TOLAKAN DAN HAK DEBIT

- 11.1 Bank menyimpan hak untuk mengeluarkan notifikasi selama 7 hari kalendar kepada pemegang akaun untuk menggabungkan, menyatukan Akaun FCCA-i dan sebarang akaun lain pemegang akaun yang dikekalkan dengan Bank ('Akaun') dan atau menolak dan atau memindahkan sebarang baki kredit dalam Akaun untuk atau bagi tujuan menjelaskan sebarang liabiliti pemegang akaun kepada Bank, sama ada liabiliti kepada Bank tersebut adalah liabiliti sebenar, kontingen, utama, kolateral, berasingan, bersama, ditanggung dalam kapasiti sebagai pelanggan dan atau penjamin dan atau penanggung rugi dan atau penyedia cagaran, atau dalam mata wang lain ('Keberhutangan'). Sementara menunggu Bank melaksanakan tolakan tersebut, Bank berhak menahan atau menggantung

pembayaran apa-apa wang daripada baki kredit dalam Akaun. Sekiranya pemegang akaun gagal menyelesaikan sepenuhnya Keberhutangan dengan Bank apabila luputnya notifikasi 7 hari kalendar tersebut, Bank berhak menolak keseluruhan baki kredit daripada Akaun atau sehingga jumlah Keberhutangan untuk menyelesaikan Keberhutangan secara sebahagiannya atau sepenuhnya (mengikut keadaan).

11.2 Untuk mengelakkan keraguan, pemegang akaun bersetuju bahawa hak Bank untuk menahan atau menggantung pembayaran dan atau tolakan boleh diguna pakai kepada dan boleh dilaksanakan oleh Bank di mana atau berkenaan dengan (a) FCCA-i bersama dan atau mana-mana akaun bersama lain pemegang akaun di mana baki kreditnya digunakan untuk menolak keberhutangan yang ditanggung kepada Bank oleh mana-mana satu atau lebih daripada satu pemegang akaun bersama dan atau oleh mana-mana satu atau lebih daripada satu pemegang akaun bersama dengan mana-mana orang lain dan sama ada keberhutangan yang ditanggung kepada Bank tersebut adalah sebenar, kontingen, utama, kolateral, berasingan, bersama, ditanggung dalam kapasiti sebagai pelanggan dan atau penjamin dan atau penanggung rugi dan atau penyedia cagaran; (b) Bank telah dimaklumkan bahawa pemegang akaun dan atau mana-mana satu atau lebih daripada satu pemegang akaun bersama telah melakukan tindakan kebangkrutan dan atau notis kebangkrutan dan atau petisyen untuk kebangkrutan atau penggulungan telah difailkan terhadap pemegang akaun dan atau mana-mana satu atau lebih daripada satu pemegang akaun bersama; (c) Bank telah dimaklumkan bahawa pemegang akaun atau mana-mana satu atau lebih daripada satu pemegang akaun bersama telah diisytiharkan bankrap atau digulungkan; dan (d) Bank telah dimaklumkan tentang kematian pemegang akaun atau kematian mana-mana satu atau lebih daripada satu pemegang akaun bersama.

11.3 Pemegang akaun dengan tidak boleh batal memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit FCCA-i pada bila-bila masa selepas memberikan notis terdahulu selama tujuh (7) hari bagi tujuan membuat pembayaran, pembayaran balik dan atau pembayaran ganti kepada Bank dan atau membuat pembayaran dan atau pembayaran balik jumlah yang berkenaan kepada pihak ketiga di bawah atau berbangkit daripada yang berikut:

- (i) fi, kos, perbelanjaan, caj yang perlu dibayar berhubung dengan FCCA-i selaras dengan terma di dalam ini dan atau walau bagaimanapun jua ditanggung dan atau dicaj oleh Bank berhubung dengan sebarang perkhidmatan yang disediakan oleh Bank kepada pemegang akaun;
- (ii) cukai (termasuk, tanpa had, cukai barangan dan perkhidmatan), duti setem dan sebarang levi atau caj lain yang dikenakan oleh kerajaan dan perlu dibayar oleh pemegang akaun terhadap Akaun dan atau sebarang perkhidmatan atau kemudahan lain yang disediakan oleh Bank kepada atau untuk manfaat pemegang akaun;

- (iii) kerugian dan atau kerosakan yang walau bagaimanapun jua dialami atau ditanggung oleh Bank semasa melaksanakan sebarang permintaan dan arahan pemegang akaun dan atau semasa memberikan perkhidmatan berhubung dengan FCCA-i yang diperuntukkan dalam terma di dalam ini;
- (iv) jumlah berbangkit daripada sebarang tanggung rugi dan atau jaminan yang diberikan oleh pemegang akaun memihak kepada Bank berhubung dengan penyediaan sebarang perkhidmatan dan kemudahan oleh Bank kepada pemegang akaun selaras dengan terma di dalam ini;
- (v) pembayaran yang dibuat, dipindahkan atau dikreditkan ke dalam FCCA-i disebabkan kesilapan Bank dan atau disebabkan tuntutan oleh mana-mana pihak ketiga bahawa amaun relevan tersebut telah dengan silap dibayar oleh pihak ketiga ke dalam Akaun Semasa-i dan atau disebabkan tuntutan oleh pihak ketiga bahawa beliau telah ditipu, difraud atau diperdaya agar membuat pembayaran ke dalam Akaun Semasa-i dan atau disebabkan sebarang kepincangan atau kerosakan operasi dan/atau sistem Bank dan atau sebarang sebab lain di luar kawalan munasabah Bank;
- (vi) cek dan atau sebarang instrumen wang lain yang selepas itu tidak dilayan atas sebarang sebab pun jua dan jika hasil cek dan atau suratcara wang ini telah dikreditkan oleh Bank ke dalam FCCA-i sebelum itu;
- (vii) jumlah dikreditkan ke dalam FCCA-i susulan kesangsian mengenai instrumen yang diusik/arahan/transaksi yang menipu, sama ada dengan atau tanpa penglibatan pemegang akaun;
- (viii) pembayaran di bawah FCCA-i yang diminta agar dibayar oleh Bank Negara Malaysia dan atau pihak berkuasa Polis atau mana-mana pihak berkuasa lain selaras dengan mana-mana undang-undang yang berkenaan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa;
- (ix) fi guaman, pembayaran perbelanjaan dan kos (atas dasar peguamcara-anakguam dan tanggung rugi penuh) yang ditanggung oleh Bank berhubung dengan sebarang:
 - a) langkah mendapatkan balik sebarang keberhutangan di bawah sebarang kemudahan atau pinjaman yang diberikan oleh Bank kepada pemegang akaun;
 - b) prosiding garnisi yang difailkan dan disampaikan ke atas Bank dan jika Bank dinamakan sebagai garnisi terhadap FCCA-i dan atau mana-mana akaun lain pemegang akaun yang dipegang dengan Bank;

- c) prosiding interplider atau mana-mana prosiding mahkamah lain yang difailkan oleh Bank terhadap FCCA-i dan atau mana-mana akaun lain pemegang akaun yang dipegang dengan Bank;
- d) injuksi atau mana-mana prosiding mahkamah lain yang dimulakan terhadap FCCA-i dan atau mana-mana akaun lain pemegang akaun yang dipegang dengan Bank, sama ada Bank dinamakan sebagai pihak atau tidak;
- e) prosiding undang-undang yang difailkan terhadap Bank oleh pemegang akaun atau mana-mana pihak lain melibatkan FCCA-i dan atau sebarang akaun lain pemegang akaun yang dipegang dengan Bank dan jika Bank berjaya membela prosiding undang-undang tersebut ; dan
- f) pembayaran terdahulu yang dibayar kepada pemegang akaun dan atau mana-mana pihak ketiga di bawah sebarang susunan yang dimasuki antara Bank dan pemegang akaun dan atau di bawah sebarang kemudahan yang diberikan oleh Bank kepada pemegang akaun.

11.4 Sementara menunggu FCCA-i didebit selaras dengan Klausu 11.3, Bank berhak menahan dan/atau menggantung pembayaran sebarang wang daripada baki kredit FCCA-i.

12. PEMBATASAN LIABILITI

